

MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

KEWAJIPAN MANUSIA KEPADA DIRINYA SENDIRI III

Tentang didikan hati dan budi pekerti

(3) Wajib memelihara keselamatan diri dan menjaga kebajikannya:

Tiap-tiap seorang adalah menanggung kewajiban kepada dirinya yang ia mesti sayang akan dirinya itu serta cemburu akan keselamatan dan menjaga segala hal-hal kebajikan. Ia hendaklah sentiasa memelihara dan mempertahankan dirinya daripada tiap-tiap perkara yang boleh membahagiakannya, merosakkannya, dan mengancam keselamatan zahir dan batin dalam kehidupannya di dunia ini. Ia wajib sentiasa mengambil berat di atas apa-apa perkara yang boleh membawa kebajikan, kejayaan dan kebahagiaan kepada dirinya dunia akhirat.

OLEH ZA'BA

Perasaan memelihara keselamatan diri ini ialah perasaan tabiat semula jadi pada manusia dan pada binatang juga. Semua orang memang ada mempunyai perasaan itu; tetapi ada beberapa banyak tentangnya yang orang-orang selalu mencuaikannya dan tidak menyempurnakan kewajiban mereka padanya. Misalnya mereka tidak cukup cermat menjaga diri masa di jalan supaya jangan dilanggar oleh motorkar, atau masa menjalankan motorkar supaya jangan terlanggar kepada orang. Demikian pula misalnya mereka tidak cukup menjaga diri daripada hilang kehormatan atau daripada termasuk ke dalam percampuran orang lucuh, atau daripada berboros atau daripada berhutang atau daripada kelakuan kedekut. Sekalian itu perkara yang membawa mudarat; jika tidak dijaga cukup daripadanya nescaya terceburlah diri ke dalamnya: Maka rosaklah diri itu dan terkadang membawa kepada binasanya sama sekali, malangnya kebanyakan orang hanya tamak akan faedah dan keuntungan dirinya tetapi tidak mengirakan kebajikan dan keselamatan dirinya itu.

Pada adatnya tidaklah ada sesuatu apa jua yang terlebih

diharga dan disayangi kepada seorang itu lain daripada dirinya sendiri; kemudian daripada itu baharulah kekasihannya dan anak ahlinya kemudian kerabat keluarganya dan sahabat handainya yang karib-karib dan kemudian kaum bangsanya dan negerinya sendiri. Demikianlah peraturan kejadian yang umum berlaku pada kebanyakan orang. Sungguhlah barangkali ada juga sedikit-sedikit orang yang terkecuali daripada peraturan ini, iaitu orang yang hanya tertumpu kasihnya kepada Allah dan kepada Rasulullah sahaja atau orang yang hanya sentiasa mengirakan kebajikan dan keselamatan orang lain sahaja tidak peduli akan keselamatan dirinya dan hak-hak dirinya. Tetapi orang yang begitu kalau adapun tidaklah banyak, hanya kecialinya yang amat sedikit dan jarang-jarang kita terjumpa bahkan menyalahi tabiat manusia yang am. Mereka yang demikian haruslah telah sampai kepada martabat "wali Allah" atau "karamat" -sudah jadi orang akhirat, tiada boleh disamakan lagi dengan orang-orang biasa yang terlebih banyak mendiami dalam dunia ini, dalam pada itu jika semua orang di atas muka bumi ini berkelakuan demikian- iaitu tidak mengirakan kebajikan dirinya dan keselamatan dirinya hanya sentiasa mengirakan kebajikan orang lain dan keselamatan orang lain dengan

tidak kira apa bangsa atau agama- moleklah juga dan barangkali boleh membawa keamanan dunia. Tetapi sayangnya keadaan seperti itu belum didapati dari semenjak permulaan manusia yang diketahui oleh tawarikh. Bahkan harus tidakkan didapati selama-lamanya.

Bilangan manusia yang banyak dan biasanya ialah semuanya sayang akan dirinya yakni suka mendapat keselamatan dan nikmat kebajikan bagi dirinya dan anak ahlinya dan lain-lain orang yang berhubung rapat dengannya. Jika sekiranya orang-orang tidak berperasaan demikian kepada dirinya dan kepada segala hak dirinya- yakni tidak indah hendak memeliharakannya daripada apa-apa yang membahagiakannya-nescaya tidaklah kaum bangsa manusia ini boleh hidup berkembang begitu lama di dunia ini. Kasihnya akan dirinya dan akan segala hak-hak dirinya itulah yang telah mengekalkan wujudnya di sini. Perasaan sayang akan diri dan akan hak-hak sendiri dan sentiasa ingin akan kebajikan dan keselamatan bagi dirinya itulah dorongan yang menggerakkan seorang berusaha dan bekerja mencari rezeki, menuntut kemajuan dan kejayaan, berlawan dengan musuh dan binatang buas dan penyamun dan lain-lain bahaya kerana hendak memelihara dirinya dan hak-hak dirinya itu supaya tetap terselamat jangan binasa. Maka wajiblah tiap-tiap seorang menyempurnakan tuntutan ini apabila tiba tentangnya, janganlah pakai biar dan berserah diri sahaja.

Maka apa yang wajib pada diri satu-satu orang-orang wajiblah juga pada diri kaum dan bangsa kerana kaum dan bangsa itu terjadi daripada jumlah perhimpunan satu-satu orang tunggal. Misalnya kaum Melayu wajib memelihara dirinya jika ada bahaya daripada bangsa-bangsa asing yang memenuhi negerinya ini. Demikian pula jika negeri kita dilanggar orang atau hak-hak bangsa kita dicabul atau dirampas orang maka kita sebagai suatu bangsa wajib melawan dengan sedaya upaya bagi mempertahankannya dan memelihara keselamatannya dan kemerdekaannya.

Sementara itu hendaklah diingat dan dijaga benar-benar bahawa

kita dilarang mencabul hak-hak orang. Apabila menyempurnakan kewajiban memelihara diri dan mengusahakan kebajikannya dan keselamatannya itu wajiblah pula jangan sampai mengganggu, membahayakan merosakkan atau menyakitkan kepada diri orang lain atau hak-hak orang lain pula. Sayangkan diri sendiri dan hak-hak diri sendiri itu hendaklah dilakukan dalam sempadan keadilan dan sehingga kadar yang sederhana yakni jangan melampaui daripada batas saksama sehingga jatuh aniaya dan berbuat tak patut kepada diri-diri yang lain pula, misalnya jika kita membunyikan radio kerana mengambil faedah bagi diri kita daripada lakonan-lakonan cerita atau ucapan-ucapan berguna yang dihebahkannya, atau kerana hendak menghibur-hiburkan hati daripada lagu-lagu dan nyanyian-nyanyian yang disiarkannya. Maka janganlah sentiasa dibukakan sekuat-kuat bunyinya sepanjang hari sampai tengah malam sehingga orang-orang dekat rumah kita merasa bising tiada dapat membuat kerja menulis membaca dan tiada dapat hendak tidur-tidur berehat dengan aman. Perbuatan demikian ialah mengganggu hak-hak orang lain dan menyakitkan orang lain; yang demikian nyatalah melampaui batas kerana hanya mengirakan kesukaan sendiri sahaja tidak mengirakan hati dan perasaan orang lain, maka bukanlah adil dan patut namanya pada timbangan keinsafan!!

Segala perbuatan mengusahakan kebajikan diri atau memelihara keselamatannya jika mengganggu hak-hak orang lain demikian itu atau merosakkan keselamatan orang lain pula, adalah iaitu salah dan hina dan dibenci oleh agama bahkan dilarang; kerana kehasilannya hanyalah menerbitkan marah atau terkilan hati jua pada orang yang kena ganggu atau yang menanggung kerosakan itu. Maka dari situ terjadilah hal-hal yang tiada baik seperti perselisihan berkecil-kecil hati dan permusuhan dan sekalian itu apabila terjadi hanyalah padahnya menarik turun akan akibat yang jahat dan kerugian dan kadang-kadang sengsara juga kepada segala pihak yang berkenaan misalnya lagi salahlah pada hukum keadilan dan hukum akhlak jika kita menyelamatkan nyawa kita dengan menyorongkan nyawa orang lain kepada kematian; dan salahlah juga bahkan sangat-sangat

hina. Jika kita naik ke atas dengan jalan menjatuhkan orang lain dan kita bertajak di atas tangkuknya! Demikian lagi tidaklah patut serta tiada betul jalannya jika umpamanya kita membuat parit longkang supaya rumah kita bersih dan supaya kita terpelihara daripada bahaya kotor dan penyakit pada hal longkang kita itu menyakiti hidung orang lain, jiran kita yang dilalukan longkang itu di sebelah rumahnya! Demikianlah pada perkara-perkara yang lain pun.

Agama Islam mengajar dan menyuruh kita menimbangkan hati dan perasaan orang lain sepertilah juga kita menimbangkan hati dan perasaan diri kita sendiri. Agama Islam mewajibkan di atas tiap-tiao seorang hendaklah ia suka akan orang lain pun biarlah mendapat barang apa yang ia sendiri suka mendapat bagi dirinya. Sabda Nabi SAW dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim:

(Walladhi nafsi biyadihi la yu'minu 'abdun hatta yuhibbu li jarhi ma yuhibbu li nafsihi)

Ertinya "Demi Tuhan yang aku ini pada tangannya! Tidaklah beriman seorang hamba Allah sehingga ia menyukai biar orang-orang dekat rumahnya mendapat juga barang apa yang ia sendiri suka dapat kepada dirinya."

Berkenaan dengan mempertahankan keselamatan diri sebagai suatu bangsa maka caranya yang terlebih dahsyat sekali dinamakan peperangan tetapi di sini pun hendaklah diingatkan bahawa peperangan yang dibenarkan oleh agama Islam ialah yang sebenar-benarnya bagi memelihara diri dan melawan langgaran pihak yang zalim, bukan peperangan melanggar mencero boh dan menakluk negeri orang yang tiada bersalah. Segala peperangan Nabi kita SAW boleh diperhati dalam tawarikh semuanya peperangan memelihara diri apabila diserang oleh puak-puak yang memusuhi dia, atau apabila perjanjian dan persetujuan dimungkirkan dan dicabuli oleh mereka itu. Itupun dari mulanya ia telah bersabar sepuas-puasnya dan tidak melawan dahulu sehingga telah diberi izin oleh Tuhan apabila pengikut-pengikutnya telah menjadi terlampaui sengsara tidak tertahan lagi digoda dan disakiti

bermacam-macam oleh musuh-musuhnya itu. Firman Tuhan:

*(Uzina lillazina yuqatahuna biannahum zulumu wa inmallah ala nasrihim laqadir * Allazina uhrju min diyarahim binghoiri haqqin illa an yaqulu rabbunallah walaw la daf'ullahinmasa ba'dohum bibaghdhin lahuddimat sovwami wa biya'in wasalawatun wamasajidu yuzkarufiha ismullahi kasiira : Surah Al-Hajj ayat 38-39).*

Ertinya: "Kebenaran berperang adalah diberi kepada mereka yang kena perang. Kerana mereka itu teraniaya; bahawasanya Allah Taala amat kuasa memberi pertolongan kemenangan kepada mereka itu * Iaitu mereka yang telah kena halau keluar dari rumahtangga mereka dengan tidak ada apa-apa sebab yang benar, hanya sebabnya mereka itu berkata Tuhan kami Allah Taala. Maka jika sekiranya tidak Allah Taala lawankan sepihak manusia dengan sepihak yang lain (pada perkara yang seperti ini) nescaya habislah kena robohkan segala rumah tempat orang berkhawat (rumah tempat ibadat) segala gereja segala tempat sembahyang dan segala masjid yang banyak disebut nama Allah di dalamnya."

Jadi nyatalah peperangan itu hanya boleh dilakukan oleh orang Islam kerana memelihara diri dan keselamatan hak-hak diri serta mempertahankan kebenaran sahaja, supaya jangan dirosak binasakan oleh orang yang mencero boh. Tetapi tidaklah sekali-kali ada diberi kebenaran berperang kerana mencero boh hak-hak orang lain dengan aniaya.

(4) Wajib membaiki perangai sendiri.

Tiap-tiap seorang wajib berusaha dan berikhtiar selagi ada umurnya memperdapatkan sifat-sifat perangai yang baik bagi dirinya dan menghapuskan atau menjauhi dengan sedaya upayanya segala sifat-sifat perangai yang keji dan kurang baik pada dirinya itu pula. Perangai yang baik itu penunjuk kepada iman yang baik pada seseorang: Semakin baik perangai seseorang semakin baiklah imannya pula. Tetapi jika perangai seseorang itu kurang baik maka iaitulah menunjukkan kurang imannya pula, sabda Nabi (SAW):

(Afdalla linnaa iimaanaa ahsanuhum khuluqa)

Ertinya "Orang yang terlebih afdal sekali imannya di antara

orang banyak ialah barang siapa yang terlebih baik sekali sifat-sifat keperangainya atau budi pekertinya.” Maka iman itu boleh dibaiki dengan usaha dan ikhtiar bukan mesti tetap begitu sahaja selama-lamanya. Sebab itu nyatalah sifat-sifat perangai itupun boleh dibaiki juga dengan usaha dan ikhtiar; jikalau tidak tentulah iman pun tidakkan boleh bertambah baik.

Perkataan Nabi itu terang menunjukkan bahawa iman itu berpangkat-pangkat antara seorang dengan seorang, ada orang yang lebih imannya dan ada orang yang kurang imannya. Demikian pula perkataan itu terang menunjukkan bahawa lebih atau kurangnya iman masing-masing orang itu tergantung kepada lebih atau kurangnya sifat-sifat kebaikan perangai yang ada kepadanya. Demikian lagi nyata tujuannya perkataan Nabi itu hendak menggalakkan orang membaiki iman mereka dengan jalan membaiki perangai masing-masing. Jadinya dari sini teranglah kelihatan dengan sahnya bahawa sifat-sifat perangai yang kurang baik itu boleh dapat dibaiki dengan diusahakan, bukannya telah tetap dari semulajadi dengan tak dapat diubah-ubah atau dibaiki lagi kerana jikalau tiada dapat dibaiki perangai nescaya tiadalah pula iman seseorang itu boleh bertambah baik selama-lamanya hanya tetap sahaja macam mana dari mulanya begitulah sampai kesudahannya. Maka yang demikian berlawanan dengan mafhum hadis yang tersebut itu, dan bermakna bahawa segala ajaran-ajaran yang dibawakan oleh agama Islam bagi membaiki perangai dan budi pekerti itu tiada berguna dan tiada apa faedahnya. Demikian pula dapat difahamkan daripada perkataan Nabi itu bahawa sifat-sifat perangai yang keji dan jahat pun boleh dibuang atau dihapuskan dengan jalan diusahakan membuang dan menghapuskannya. Kerana jika tidak boleh diperbuat demikian maka bermaknalah seperti tadi iaitu iman seseorang itu tetap darjatnya takat yang ada itu sahaja, tiada harapan boleh bertambah baik sampai bila-bila pun dengan jalan dihilangkan sifat-sifat perangai yang buruk dan keji itu; dan bermakna pula bahawa segala suruh larangan

agama Islam itupun tiada apa gunanya!

Kata suatu bidalan Melayu yang masyhur: “Rupa yang tak dapat diubah, fil laku dapat”. Maka perkataan ini sabitlah benarnya tak dapat disangkal lagi. Maksudnya walaubagaimana jahat dan keji pun laku perangai seseorang tetapi jikalau ia hendak membaikinya ia boleh berbuat demikian dengan jayanya lamun dengan kemahuan yang bersungguh-sungguh. Ia boleh membuang sifat-sifat budi pekerti yang keji dan jahat maka ia berkehendak, dan menggantinya dengan sifat-sifat keperangiaan yang baik dan mulia. Bahkan barangkali tiada boleh dengan serta merta atau dengan segera, tetapi dengan beransur-ansur tentulah boleh juga asalkan ada azam yang kuat serta sabar dan tekun mengerjakannya. Kata suatu bidalan yang lain: “Di mana ada kemahuan di situ ada kemajuan”, dan jika hendak seribu daya, jika tak hendak seribu dalih.”

Jika mengikut mafhum dua bidalan yang kemudian ini, semua perkara pun asalkan yang harus dan memakan terkandung di dalam kudrat kebolehan manusia dan bukan perkara yang mustahil pada adat dan pada akal, maka walau bagaimana susah dan payahnya pun bolehlah juga diperbuat dan dihasilkan, kiranya bersungguh-sungguh dan dengan sepenuh-penuh kemahuan. Bahkan dengan fahaman ini rupa pun boleh diubah dengan bermacam-macam jalan dan ikhtiar. Orang-orang penyamar dan anak-anak wayang memang biasa mengubah-ubah rupanya bagi maksud dan masa-masa yang tertentu. Demikian pula boleh diperbuat mengubah rupa itu oleh doktor-doktor penegang kulit muka dan dan doktor potong yang menggunakan “plastik”.

Tetapi katalah bidalan yang mula-mula tadi itu betul tentang mengatakan “rupa tak dapat diubah” itu. Kita terimalah itu. Sekiranya rupa kita hodoh dijadikan Tuhan, tidaklah dapat diubah jadi cantik yang sejati; kalau bibir kita tebal atau mulut kira lebar umpamanya tidak dapat dijadikan bibir nipis atau mulut kecil; kalau muka kita panjang atau tulang pipi kita tinggi tidak boleh dipendekkan atau direndahkan masing-masing itu; kalau susah

badan kita rendah dompok (montot) tidakkan dapat ditinggikan atau dipanjang lampaikan!.....baiklah benarlah itu. Tetapi tentang “fiil laku” atau perangai budi pekerti terus terang dikatakan oleh bidalan itu boleh dan dapat diubah daripada buruk kepada baik atau sebaliknya. Perkataan ini sangat benar; kerana sifat-sifat perangai dan budi pekerti itu kebanyakannya ialah sifat-sifat yang mendatang kemusian terbit daripada asuhan, latihan, contoh taulada, perkelilingan, pelajaran atau tiada pelajaran dan sebagainya dari masa kecil hingga besar dan tua- bukan semuanya sedia termeterai dari asal-asal kejadian dalam tuangan semula jadi, atau dibawa dari perut ibu dengan keadaan memang sudah tertanam seperti yang ada itu.

Sungguhlah manusia ini tiada sama sifat-sifat perangai semula jadinya dikurnia Tuhan: Ada yang lebih ada yang kurang- kurang di sini lebih di sana, lebih pada satu perkara kurang pada lain perkara. Demikianlah..... tetapi semuanya yang kekurangan itu boleh dibaiki dan ditambah baiki dengan usaha dan ikhtiar jika bersungguh-sungguh. Jika tidak demikian tidaklah berguna telah didatangkan agama Islam dengan segala ajaran-ajarannya yang mulia dan tinggi itu dan dengan Nabi pembawanya dibangkitkan “kerana tujuan semata-mata bagi membaiki dan menyempurnakan kemuliaan perangai manusia.” Oleh sebab itu maka tiap-tiap seorang wajiblah selalu memandang ke dalam dirinya dan menilai sifat-sifat perangai yang ada kepadanya tentang kelebihan dan kekurangan seperti yang telah diterangkan di dalam fasal mengenal kadar diri dahulu. Kemudian apabila telah sedar akan tiap-tiap keadaan yang didapati pada dirinya itu maka hendaklah berusaha membaiki segala yang kekurangan dan menambah baik lagi mana-mana sifat yang telah sedia kelebihan. Kiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh hati tak dapat tiada tentulah berjaya juga – jika tak dapat penuh sebagai dicita-cita sekurang-kurangnya separuh penuh pun dapat juga. Sabda Nabi SAW:

(Man jadda wajada).

Ertinya: “Barangsiapa berusaha bersungguh-sungguh ia tentu

mendapat. “Tetapi jika dengan mengikut jalan-jalan yang diajarkan oleh agama Islam dengan sebetulnya tentu dapat disempurnakan bagaimana yang dikehendaki itu sepenuh-penuhnya.

Maka dalam sementara mengusahakannya itu hendaklah pula berdoa ke hadrat Tuhan meminta ia menolong sempurnakan kehendak kita itu kerana firmanNya:

(Ud’uni astajib lakum): Surah Al-Mukminun 60.

Ertinya: “Berdoalah kamu sekalian kepada aku tentu aku perkenankan permintaan kamu.....Kita tidak boleh berharap kepada usaha kita sahaja semata-mata dengan tiada memohon pertolongan Tuhan istimewa pula tidak sekali-kali boleh kita melupakan dia dengan menyangka kudrat kuasa kita sudah cukup! Jika kita lupa akan Tuhan nescaya Tuhan pun melupakan kita seperti firmanNya menyebut setengah daripada orang-orang yang melupakan Dia:

(Nasullah fanasiyahum): Surah At-taubah 67.

Ertinya: “Mereka telah melupakan Allah oleh itu Allah pun telah melupakan mereka.” Tetapi jika kita ingat akan dia nescaya ia pun ingat pula akan kita seperti firmanNya pada tempat lain:

(Fazkurunii azkurkum washkuruu li wa laa takfurum:

Al-Baqarah 152).

Ertinya: Oleh itu ingatlah kamu sekalian akan Aku nescaya Aku pun kelak ingat akan kamu: dan syukurilah kamu kepada Aku jangan tiada syukur akan Daku.”

Maka satu daripada doa yang ringkas bagi membaiki akhlak itu ialah:

(Allahummahdini li ahsani al-akhlaqi la yahdi li ahsaniha illa anta wasrif ‘anni sayyi’aha la yasrif ‘anni sayyi’aha illa anta).

Ertinya: “Hai Tuhanku tunjukkan aku kepada jalan akhlak yang sebaik-baiknya, tiada yang menunjukkan kepada yang sebaik-baik akhlak itu melainkan engkau; dan hapuskan daripada aku sifat-sifat akhlak yang jahat kerana hanya engkau jua tiada lain yang boleh menghapuskan aku daripada sifat-sifat

kejahatan akhlak itu.” dan satu lagi:

(Allahumma jannubni munkaratil-akhlaji wal-i'mal wa wal-ahwa' wal-adwa').

Ertinya: Hai Tuhanku jauhkan daripada aku kejahatan perangai, kejahatan perbuatan, kejahatan nafsu dan kejahatan penyakit.”

Usaha memperbaiki perangai ini tidaklah ada hadis yang boleh berhenti atau yang boleh dikata sudah cukup, melainkan wajib dilakukan dengan sedapat-dapatnya selagi ada umur kerana seseorang itu walau macam mana pun baiknya tidakkan boleh dikata sudah cukup sempurna segala sifat-sifat keperangaiannya dengan tiada kekurangan barang sedikit pun. Kesempurnaan pada pihak laku perangai itu tidak ada had hinggananya; walau macam mana bagusnya pun telah diperoleh tetapi ada juga kekurangannya lagi tak satu, satu. Bahkan kadang-kadang salah satu sifat perangai kita yang telah cukup baik itu didapati jatuh pula ke darjat yang rendah. Maka termustahaklah dibaiki dan dinaikkan kembali kepada darjat yang tinggi. Maka sebab itulah dikata pekerjaan memperbaiki perangai itu wajib dilakukan seumur hidup sebagaimana menuntut ilmu juga, iaitu sentiasa boleh ditambah dan dibaiki lagi dengan tiada kesudahan.

Dalam perkara ini bolehlah diingat bahawa tersebut dalam suatu hadis yang kerap terjumpa dibawa orang dalam pengajian ilmu tasawuf sabda Nabi (SAW):

(Takhallaqu bi akhlaqilla)

Ertinya: “Cubalah kamu sekalian perangkaikan diri kamu dengan sifat keperangaian (yang diaku oleh) Allah Taala sendiri”.....Sifat-sifat demikian itu ialah semuanya sifat kebaikan, kelebihan dan kesempurnaan, sebagaimana yang kita dapati dalam kumpulan sembilan puluh sembilan nama “Al-asma ul-Husna” (nama-nama yang secantik-cantiknya) yang terkhas bag* Allah Taala itu. Di dalam nama-nama ini terliput selebih-lebih sifat daripada segala sifat kelebihan dan kesempurnaan, tetapi tidak ada satu jua pun sifat kejahatan dan kekurangan. Maka

Sifat-sifat ini disuruh kita cuba memakaikannya kepada diri

kita mana-mana tentangnya yang layak bagi kejadian manusia:

Umpamanya tentang sifat-sifat kerasnya dan lembutnya pemurahnya dan pengampunnya, penyayangannya dan pengasihannya, adilnya dan kesaksamaannya dan lain-lain lagi.

Maka inilah tujuan yang sehabis tingginya hendak dituju di dalam pekerjaan memperbaiki perangai diri kita.

Kita bukannya Allah Taala dan selama-lamanya tidak akan jadi Allah Taala atau seperti Allah Taala. Tetapi sifat-sifat kesempurnaan Allah Taala yang Maha Tinggi itu disuruh kita mencuba pakaikan seberapa dapatnya kepada diri kita. Demikianlah tingginya tujuan yang kita dikehendaki sampai kepadanya dalam usaha memperbaiki perangai kita menurut ajaran agama Islam.

* * *

Dalam rencana tuan “Za’ba” bilangan yang lalu ada berlaku sedikit ralat, harap dibetulkam. Di ruangan pertama muka 34, baris 10 dari bawah tersebut: “Kata-kata ulama” hendaklah ditambah perkataan: “Butir-butir yang menerangkan dari hal ini boleh dilihat umpamanya” di ruangan pertama, muka 35, baris 11 dari atas, yang betulnya “selagi ada umur” di baris 13 dari bawah pula, yang betulnya “seperti tanah yang” manakala di baris 6 dari bawah yang betulnya “bahkan gelap itupun”. Di ruangan kedua pula, baris 8 dari bawah, yang betulnya “apabila kita sedar akan had-had”. Di muka 36, ruangan pertama baris 6 dari atas, yang betulnya “padanya orang” dan baris 14 dari bawah, yang betulnya, “tidakkan” dan di muka 37 ruangan pertama baris 7 yang betulnya “yang kepercayaan”.

“Tiga perkara yang membinasakan: Perasaan bakhil yang ditaati, hawa nafsu yang diturut dan terpedaya seseorang itu kepada kelebihan dirinya.”

-Umar Ibnu Al-Khatab.